

## **CIMB- "Hot Rates Offer SMS"**

### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat**

1. "CIMB Bank – Hot Rates Offer SMS" ("**Kempen**") anjuran bersama oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) ("**CIMB Bank**") dan CIMB Bank Islamic Berhad (671380-H) ("**CIMB Islamic**"). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic di sini hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai ("**CIMB**")

### **Tempoh Tawaran**

1. Tawaran akan berlangsung dari 15 Jan 2019 sehingga 30 Jun 2019, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Tawaran**").
2. CIMB berhak memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh luput Tempoh Tawaran.

### **Kelayakan dan Kriteria Kelayakan**

3. Tawaran ini adalah terbuka kepada:-
  - i) Pelanggan CIMB bukan individu terpilih yang pada masa ini dalam operasi perniagaan yang aktif dengan perolehan jualan tahunan tidak melebihi RM10 juta atau yang tertakluk kepada definisi Perbankan Perusahaan CIMB, yang merujuk kepada mana-mana yang berikut:-
    - a. Pemilikan tunggal;
    - b. Perkongsian;
    - c. Sdn Bhd
  - ii) Akaun Semasa/Akaun Simpanan ("**CASA**") atau Akaun Semasa Perniagaan ("**BizCA**") yang sah; dan
  - iii) Nombor telefon mudah alih yang sah yang dikekalkan dalam rekod CIMB. (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Pelanggan Yang Layak**")
4. Kategori individu /entiti yang berikut adalah tidak layak menyertai Tawaran ini:-
  - i) Pelanggan individu; dan/atau
  - ii) Entiti bukan individu lain yang tidak didefinisikan di atas, termasuk organisasi-organisasi/persatuan-persatuan amal/tidak berkeuntungan, pelanggan-pelanggan korporat, syarikat sendirian berhad, syarikat awam tersenarai, kelab-kelab, persatuan-persatuan dan koperasi-koperasi

### **Mekanik dan Syarat Tawaran**

5. Tawaran "Hot Rates" adalah tawaran untuk Pelanggan Yang Layak untuk melakukan apa-apa transaksi melebihi RM250 dengan kadar istimewa.
6. SMS yang mengandungi Kod Promo akan dihantar kepada Pelanggan Yang Layak secara berkala.
7. Pelanggan Yang Layak yang berminat boleh melawat cawangan CIMB dan merujuk Kod Promo untuk menikmati Tawaran "Hot Rates".
8. Pelanggan Yang Layak boleh melakukan Pemindahan Telegraf keluar (dengan Tawaran "Hot Rates") di cawangan CIMB Bank.
9. Tawaran ini boleh digunapakai untuk semua jenis mata wang yang ditawarkan oleh CIMB.

### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am**

10. Dengan menyertai Tawaran ini, Pelanggan Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini dan juga telah memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) atau [www.cimbislamic.com.my](http://www.cimbislamic.com.my) dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan setiap aspek Tawaran ini adalah muktamad, terikat dan konklusif.
11. Pelanggan Yang Layak yang melakukan Pemindahan Telegraf keluar (i) MESTI tidak melanggar terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Pemindahan Telegraf keluar dan (ii) MESTI berjaya; dan tidak boleh dibatalkan atau ditutup atau tertakluk kepada sebarang lampiran, perintah-perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuatkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, dilinkuen, dan/ atau tidak sah atau dibatalkan sepertimana yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Tawaran, jika tidak Pelanggan Yang Layak akan dilucuthak dari menyertai Tawaran ini dan/atau "Hot Rates Offer SMS" tidak akan digunapakai.
12. CIMB berhak atas budi bicara tunggal untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang mengganggu proses penyertaan, atau bertindak melanggar atau berpotensi melanggar Terma-terma dan Syarat-syarat.
13. CIMB berhak untuk menggantikan "Hot Rates Offer SMS" dengan barangan lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan membatalkan, menamatkan atau menggantung Tawaran ini dengan memberi notis empat belas (14) hari kalendar terdahulu kepada Pelanggan Yang Layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang perlanjutan, pemendekkan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Tawaran ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Pelanggan Yang Layak atau mana-mana orang lain untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan perlanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Tawaran ini.
14. Dengan menyertai Tawaran ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa jua cara menanggung sebarang liabiliti atau bertanggungjawab kepada Pelanggan Yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya di sini, akibat secara langsung atau tidak langsung daripada kegagalan sebarang peralatan mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, sebarang tindakan "act of God" di luar kawalan munasabah CIMB atau akibat dari sebarang faktor dalam sifat force majeure di luar kawalan munasabah CIMB.
15. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Yang Layak atau mana-mana pihak lain untuk sebarang kerugian atau kerosakan dalam apa jua sifat yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walaubagaimana yang timbul, berhubung dengan penyertaan atau ketidak penyertaan di dalam Tawaran ini termasuk dari mana-mana ketidak penerimaan atau kelewatan penerimaan Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") oleh Pelanggan Yang Layak melainkan perkara yang sama timbul dari dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
16. CIMB berhak dengan memberi notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada secara tambahan, potongan, mengubah suai, meminda, atau sebaliknya) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Notifikasi

kepada Pelanggan Yang Layak tentang Pindaan akan dilakukan menurut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu, melalui komunikasi elektronik yang dipaparkan di laman web CIMB dan cawangan-cawangan CIMB atau kaunter-kaunter Pertukaran Matawang CIMB di mana peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan mungkin akan diberikan di dalam notis itu sendiri atau mungkin diberikan kepada Pelanggan Yang Layak atas permintaan; atau dengan mengiklankan Pindaan tersebut di dalam satu surat khabar pilihan CIMB atau melalui sebarang cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan tersebut akan dianggap mengikat Pelanggan Yang Layak dari tarikh notifikasi Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang ditetapkan oleh CIMB di dalam notifikasi tersebut. Peserta/Pelanggan Yang Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Tawaran dan memastikan bahawa mereka adalah sentiasa dikemaskini dengan sebarang pertukaran atau variasi terma-terma dan syarat-syarat ini.

17. Tiada ganti rugi tunai atau dalam apa-apa bentuk akan diberikan kepada Pelanggan Yang Layak untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pindaan, variasi, pemotongan, penambahan atau pengubahan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
18. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (sepertimana yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 16) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau perwakilan yang terkandung di dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Tawaran ini. Terma dan Syarat-Syarat ini harus dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Pemindahan Telegraf dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Pemindahan Telegraf akan digunakan sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini.
19. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada aplikasi undang-undang, panduan-panduan, arahan-arahan, notis-notis, peraturan-peraturan semasa yang digubal dan/atau undang-undang bertulis yang lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas Bank berhubung kepada atau yang berkenaan dengan Tawaran atau sebarang perkara di sini.
20. Sekiranya terdapat apa-apa ketidak konsistensi, konflik, kesamaran atau percanggahan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat versi Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di sini, sekiranya suatu permintaan dibuat oleh Pelanggan Yang Layak dan permintaan tersebut telah dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma & Syarat Pemindahan Telegraf telah dipilih oleh Pelanggan Yang Layak untuk mengawal operasi kegunaan Pemindahan Telegraf Pelanggan Yang Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
21. Untuk maklumbalas dan/atau aduan berkenaan Tawaran ini, Pelanggan Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB melalui alamat, nombor telefon dan faksimili berikut (atau yang melalui alamat, nombor telefon dan faksimili lain yang boleh ditukar oleh CIMB melalui notifikasi kepada Pelanggan Yang Layak): CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel: 603 6204 7788/Faks: 603 2691 3248 /cru@cimb.com.
22. CIMB tidak bertanggungjawab ke atas permohonan Produk Layak yang lambat, hilang, tidak lengkap, salah serahan, kelewatan, tidak boleh dibaca, rosak atau salah arah atau surat-menyurat berkaitan sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, pemadaman, kecurian, kemusnahan atau sebaliknya kecuaian yang sama timbul dari dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

23. Sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Pelanggan Yang Layak berhubung dengan Produk Layak di bawah CIMB Islamic Bank akan diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa perkara yang berkaitan dengan Produk Layak di bawah CIMB Islamic Bank.